

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HST 222 - Kepulauan Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [ 8 ] SOALAN DI DALAM DUA [ 2 ] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan. **DUA** [2] soalan daripada Bahagian A dan **DUA** [2] soalan daripada Bahagian B.

**SEMUA** soalan membawa nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A**

1. “Demi kepentingan Tuhan dan Agama Katolik, maka kami datang ke Kepulauan Filipina untuk mentamadunkan orang Filipina.” [Fr. Jaoquim Solana]. Berdasarkan kenyataan ini bincangkan tahap pencapaian orang Filipina sebelum kedatangan Sepanyol.
2. “Beta berpendapat bahawa kedaulatan Sepanyol haruslah dikekalkan di Kepulauan Filipina demi kepentingan negara Sepanyol.” [Raja Philip II] Apa sebabnya Raja Philip II tidak ingin berundur daripada Kepulauan Filipina dan siapakah menikmati keuntungan daripada keputusan beliau untuk mengekalkan kadaulatan Sepanyol di Kepulauan Filipina?
3. “Amerika Syarikat terpaksa mengambil alih Kepulauan Filipina kerana Negara Sepanyol tidak mampu mendidik dan menyediakan anak negeri untuk diberi kemerdekaan.” [Presiden William McKinley]. Bincangkan keikhlasan kenyataan ini.
4. “Tuntutan kemerdekaan Kepulauan Filipina merupakan suatu permainan politik pemimpin-pemimpin Filipina untuk kepentingan peribadi mereka.” [General Leonard Wood]. Bincangkan.

**BAHAGIAN B**

5. “Dasar Kompeni Hindia Timur Belanda untuk mewujudkan monopoli perdagangan di Kepulauan Hindia Timur merupakan suatu faktor penting yang membawa kepada keruntuhan kompeni itu.” [J. Romein]. Apakah faktor-faktor yang lain yang telah membawa kepada keruntuhan Kompeni Hindia Timur Belanda pada 1799?
6. Sejauhmanakah pertubuhan-pertubuhan yang didirikan pada awal abad 20 mencerminkan bahawa semangat nasionalisme telah wujud dikalangan rakyat jelata?
7. Sarekat Islam mencapai sokongan ramai bukan oleh kerana agama Islam tetapi oleh kerana kepercayaan tradisional masyarakat orang Jawa? Setujukah anda.
8. “Jika Jepun tidak mendudukkan Kepulauan Hindia Timur sudah pasti Kerajaan Belanda akan berkuasa selama-lamanya disana.” [Prof. Gerbrandy] Bincangkan.